

09/04/2001

Embun, filem estetika arahan Erma Fatima

Akmal Abdullah

KEPERLUAN filem berestetika untuk imej industri filem tempatan akhirnya mendorong Kementerian Penerangan menghasilkan Embun arahan Erma Fatima.

Ia bagi menunjukkan kematangan filem Melayu dalam usaha mengangkat imej filem Malaysia sejajar perkembangan negara yang pesat membangunkah prasarana perfileman seperti E-Village.

Pemilihan Erma sebagai pengarah berdasarkan kejayaannya meraih anugerah Pengarah Terbaik di Festival Filem Antarabangsa Pyongyang Ke-7 di Korea, tahun lalu.

Embun diterbitkan menerusi dua agensi kementerian itu, Filem Negara Malaysia (FNM) dan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (Finas) yang dijangka akan memulakan penggambarannya bulan depan.

Pelancaran filem itu dibuat secara simbolik oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sempena kunjungannya ke Angkasapuri, Khamis lalu, sempena sambutan RTM kali ke-55.

Pada majlis itu, Dr Mahathir bertindak sebagai `sutradara' apabila mengemudi penggambarannya dengan melaungkan "action!" menerusi pembesar suara yang dipegang Erma.

Beberapa babak menarik dalam filem itu dipersembahkan di depan lebih 800 tetamu yang hadir, membayangkan betapa Embun bakal mengungkap persoalan berat mengenai konflik zaman pendudukan Jepun di Tanah Melayu pada 1941 hingga 1945.

Antara pelakon yang mengambil bahagian dalam lakonan sebabak di Auditorium Perdana itu ialah Intan Azura Sulaiman sebagai gadis bernama Embun, selain Hani Mohsin (Bayu), Izi Yahaya (Kyoshi), Aziz M Osman, Shamsul Azhar, Riezman Khuzaimi, Rashid Salleh serta kumpulan tarian Istana Budaya.

Antara babak yang dipersembahkan ialah kisah cinta di antara Embun dengan pegawai tentera Jepun, perbincangan pemuda Melayu untuk menentang kehadiran tentera Jepun, babak pembunuhan serta tindakan askar Jepun yang membelot.

Ketika akhir persembahan, suasana mengundang tawa apabila Dr Mahathir yang sepatutnya menghentikan babak itu dengan menyebut "cut!" tetapi sekali lagi menyebut "action".

Bagaimanapun, selepas dibisikkan ke telinga oleh Erma, barulah Dr Mahathir menyebut "cut!" diikuti tepukan gemuruh penonton. Perdana Menteri juga meluangkan waktu bersalaman dengan barisan pelakon terbabit.

Ketika berucap, Dr Mahathir sambil tersenyum berkata: "Perkara yang jelas... saya tidak mungkin menjadi pengarah filem... orang suruh cut saya kata action... berpeluh juga saya dibuatnya tapi kalau nak berleter, senanglah sikit."

Menjawab pertanyaan seorang kaki tangan Finas dalam sesi soal jawab, Perdana Menteri berkata, beliau berpendapat syarikat filem tempatan yang banyak di negara ini harus dikurangkan supaya modal dapat disatukan bagi menghasilkan banyak filem.

"Kita tidak mungkin ada modal yang cukup jika menjadi syarikat yang kecil. Kita perlukan modal besar untuk industri ini.

"Saya berpendapat, kita harus kurangkan syarikat filem. Ia mudah dikata dan tidak mudah dibuat. Bila buat konsortium, ada yang marah kerana tidak dapat kuota.

"Saya tidak nampak bagaimana hendak menyegarkan industri filem kita melainkan syarikat filem bergabung menjadi satu dan menghasilkan 15 hingga

20 filem setahun. Kerajaan tidak boleh selesaikan masalah ini melainkan orang dalam industri ini," katanya.

Turut hadir, Menteri Penerangan, Tan Sri Khalil Yaakob; Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Khalid Yunus; Pengerusi Finas; Tan Sri Samad Idris serta karyawan, artis, produser serta wakil agensi pemasaran RTM.

Sementara itu, dalam ucapannya, Khalil berkata, Kementerian Penerangan ada dasar untuk bantu industri filem dengan hasrat menerbitkan 12 filem setahun.

"Kita keluarkan Embun bukan untuk bersaing tetapi menjadi teraju kepada pengeluar sebagai sebahagian usaha membantu industri ini. Yang difikir kita ialah apa gabungan komersial dengan aspek seni," katanya.

Sempena majlis itu rangkaian lagu patriotik dipersembahkan menerusi orkestra pimpinan Datuk Mokhzani Ismail, selain nyanyian Anis Suraya, Rosli Derani, Mahadzir Lokman dan Rohimi Sobeng.

(END)